

EK

ECONEWS

KRITIKAN M'SIA TERHADAP BARAT TIDAK JEJAS ALIRAN PELABURAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata kritikan Malaysia terhadap kerajaan barat dan kumpulan alam sekitar tidak akan menjejaskan kemasukan pelaburan asing ke negara ini.

Katanya, ini kerana para pelabur asing dan ahli perniagaan adalah lebih berminat mengenai persekitaran dan keselamatan yang boleh ditawarkan bagi menjamin pelaburan mereka.

Bagi tujuan ini, katanya kerajaan sentiasa menekankan perlunya undang-undang yang mantap seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri dalam usaha memastikan kestabilan politik dan menghalang mereka daripada berbuat sesuka hati di samping menjamin keharmonian antara kaum dalam negara majmuk seperti Malaysia.

"Jika rakyat asyik merusuh, ahli perniagaan asing tidak akan datang dan melabur di sini," katanya menjawab soalan-soalan semasa perbincangan panel pada seminar +Penswastaan - Generasi Akan Datang, Cabaran-Cabaran Di Hadapan,+ anjuran bersama PNB Corporate Development Sdn Bhd dan Persatuan Bank-Bank Saudagar Di Malaysia.

Dr. Mahathir ditanya oleh peserta sama ada para pelabur daripada negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan negara-negara Eropah lain akan menjauhi Malaysia kerana beliau begitu kritikal terhadap kerajaan mereka bersabit beberapa isu seperti alam sekitar.

Baru minggu lepas beliau membidas perhimpunan agung Bangsa-bangsa Bersatu yang tidak mengamalkan demokrasi kerana segelintir negara kuasa besar boleh mengemukakan undi veto terhadap keputusan yang dibuat oleh keseluruhan anggota PBB.

Daripada perjumpaannya dengan ahli perniagaan asing, katanya jelas apa yang mereka mahu ialah keharmonian perusahaan dan ini menunjukkan mengapa kesatuan dalaman bagi industri elektronik di negara ini adalah lebih baik bagi negara daripada mempunyai kesatuan lebih bebas.

"Adalah lebih baik tinggal dalam sebuah negara yang penuh dengan pelaburan daripada negara yang tidak mempunyai pelaburan langsung kerana kesatuan begitu kuat dan selalu menganjurkan mogok sehingga menjejaskan keharmonian industri," katanya.

Dr. Mahathir juga berkata, sebilangan yang menggelarkan diri kumpulan ekologi yang mengkritik Malaysia dan mendakwa berjuang bagi alam sekitar, sebenarnya "digerakkan oleh motif politik mereka sendiri."

Malaysia, katanya, tidak bimbang mengenainya kerana walaupun ia sebuah negara kecil, ia mampu menawarkan kontrak bernilai beratus juta ringgit kepada ahli perniagaan asing dan "jika mereka tidak baik dengan kita, kita tidak akan memberikan mereka kontrak." -- Bernama

EK